


# LAMBANG NEGARA


## BENDERA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, JATA NEGARA DAN BUNGA RAYA



Reka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu yang dicipta oleh Mohamed bin Hamzah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

## Pemilihan Bunga Raya sebagai Bunga Kebangsaan



The Prime Minister:

(i) Benar. Sebab pun bunga raya di-terima menjadi Bunga Kebangsaan ia-lah kerana orang tua<sup>2</sup> Melayu sendiri telah memamakan bunga itu bunga raya yaini bunga yang digemari oleh orang ramai. Bunga lain yang lebch chantek dan harus ba-u-ya tidak di-terima menjadi Bunga Kebangsaan kerana bunga<sup>3</sup> itu mempunyai nama yang berlainan dari satu tempat ke-satu tempat. Misalnya bunga "Chempaka"—bunga ini disebelah utara Tanah Melayu di-panggil bunga "chempa"—di-sana jikau di-panggil bunga "chempaka" ia berarti bunga "chempaka kabur". Di-sebar Tanah Melayu bunga "tanjong", di-panggil bunga "mengkuil". Berkemas bunga "mawar" pula ada sa-tengah orang memanggil-nya bunga "rose". Jadi nama bunga<sup>4</sup> ini berlain<sup>2</sup> dari satu tempat ke-satu tempat. Sa-tengah bunga<sup>5</sup> ini pula tidak di-dapat serata Tanah Melayu.

Bunga raya di-panggil dengan nama yang sama di-serata negeri Melayu dan jua di-Sumatra, dan boleh di-dapat di-serata Tanah Melayu. Lagi pula untuk menjadi Bunga Kebangsaan bunga itu mestah mempunyai rupa kustum yang munasabah.

Orang ramai telah di-tanya tukiran-nya berkenaan bunga Kebangsaan ini, dan keputusan di-buat sa-telah meningkatkan pendapat mereka.

Petikan Perbahasan Dewan Rakyat pada 12 September 1960 berhubung dengan pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Dalam pemilihan bunga kebangsaan, kajian dijalankan pada akhir tahun 1957 hingga awal tahun 1958 dalam dua peringkat, iaitu kawasan bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun, hasil kajian berbeza-beza bagi setiap negeri sehingga menyukarkan kerajaan membuat keputusan dan pemilihan. Perkara pemilihan ini tertangguh sehingga pada 28 Julai 1960, diumumkan Bunga Raya sebagai Bunga Kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman.



Jata kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1948.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Lambang negara merdeka menggunakan Lambang Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1952. Pada masa itu, lambang Persekutuan berbentuk sebuah perisai, di atas perisai tersebut terletak bulan sabit dan bintang pecah 11 yang menunjukkan 11 buah negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Anak bulan dan bintang menandakan agama Islam. Pada bahagian sebelah atas, di dalam perisai itu terletak lima bilah keris menandakan lima buah Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sebelah kiri perisai menunjukkan Negeri Pulau Pinang dan sebelah kanan menunjukkan Melaka. Di tengah-tengah perisai terdapat warna hitam dan putih mewakili negeri Pahang, merah dan kuning mewakili Selangor; putih, kuning dan hitam mewakili Perak, manakala kuning, merah serta hitam mewakili Negeri Sembilan. Dua ekor harimau di kiri dan kanan perisai di sebelah luar digambarkan sebagai penyokong perisai Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dahulu. Perisai itu dialas dengan cogan bertulisan Jawi "Bersekutu Bertambah Mutu" yang bersamaan dengan cogan bahasa Inggeris "Unity is Strength". Warna kuning pada awan-awan ialah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.